

ورتا فنرشن Warta Penerangan



MAC 2018





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Pengamal Media hadiri seminar persiapan HBT 2018	5 - 6
Majlis Doa Kesukuran Sempena 66 tahun Penubuhan Jabatan Penerangan	7 - 8
Program RRP ke arah pembentukan minda positif belia dan remaja	9
Program RRP semai semangat kenegaraan	10
Sebar luas maklumat pada Program RRP	11
Jabatan Penerangan alu-alukan 47th Pakistan Navy Course	12
19 belia masjid lawat Jabatan Penerangan	13
Kukuhkan semangat solidariti, patriotik penuntut	14
Semai semangat patriotik di kalangan penuntut	15
Semai penuntut dengan semangat patriotisme	16
Tanam semangat cintakan tanah air kepada penuntut	17
Ikuti latihan Digital Signage	18
Program Selera Kampung Kitani	19
Hadiri Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu (SAPEMM) Ke-2	20
InfoDeptBn Pedoman Peristiwa Jabatan Penerangan	21
Pusat Rujukan Penerangan berwajah baharu	22
Majlis Tahlil dan Doa Arwah Perlawanan persahabatan uji kemampuan	23

Muka

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Pengamal Media hadiri seminar persiapan HBT 2018

Berita dan Foto: Abu Bakar Hj.Abd. Rahman



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama para peserta seminar sejurus selesainya majlis perasmian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Mac.- Jabatan Penerangan dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) telah mengadakan seminar sehari bertajuk Media Operations Seminar yang diadakan di Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Perasmian seminar disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Seminar dihadiri oleh penyunting berita, wartawan foto, juru foto, juru video, pemberita, jurugambar, *bloggers* dan *freelance* media.

Seminar tersebut merupakan sebagai sebahagian daripada persediaan NFABD ke arah HBT 2018 dalam menangani isu-isu yang timbul atau berbangkit semasa kejohanan tersebut selain sebagai langkah untuk menyebarkan maklumat serta berkongsi pengalaman yang diperolehi oleh para pegawai NFABD semasa menghadiri seminar yang dikendalikan oleh Persekutuan Bolasepak Asia (AFC) dan perlawan-perlawanan antarabangsa.

Pada sebelah pagi seminar dibahagikan kepada dua sesi masing-masing dengan tajuk Commercial Manual dan Marketing and Broadcast Matters yang disampaikan oleh Pegawai Media, Pemasaran dan Komunikasi NFABD, Jason Abdullah Thomas.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika merasmikan seminar tersebut.



MEMOHON keberkatan Doa Selamat dibacakan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika hadir pada seminar tersebut.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika berinteraksi bersama Ketua Fotografi Jabatan Penerangan sambil diperhatikan EXCO NFABD.

Manakala di sebelah petang seminar menyentuh tentang media operation session 1 dan 2 yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari NFABD.

HBT edisi kelima akan memulakan tirainya pada 23 April depan apabila pasukan tuan rumah akan menentang pasukan Timor Leste di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Sebanyak tujuh buah pasukan menyertai kejohanan berprestij tersebut terdiri daripada Kemboja, Lao PDR, Myanmar, Singapura, Thailand, Timor Leste dan Negara Brunei Darussalam.



PARA pengamal media dari berbagai agensi ketika menghadiri seminar tersebut.

Majlis Doa Kesukuran Sempena 66 tahun Penubuhan Jabatan Penerangan

Oleh: Marlinawaty Hussin / Foto: Abu BAkar Haji Abd.Rahman/ Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama pegawai dan kakitangan ketika melaksanakan solat fardu Asar berjemaah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Mac. - Pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengadakan Majlis Doa Kesukuran Sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Yang Ke-66 Tahun yang diadakan di surau jabatan berkenaan.

Hadir sama pada sambutan itu ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji

Aliomar serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti bacaan Surah Al-Waqiah dan Surah Al-Mulk secara beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Mohammad Hisyam bin Idris, Ketua Unit IT dan Media Baharu yang kemudiannya mengepalai bacaan doa kesukuran dan imam bagi Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa hadir pada majlis tersebut.

8 Warta Penerangan

Sementara bacaan doa tahlil dipimpin oleh Ketua Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Awang Ali Termizi bin Haji Ramli.

Jabatan Penerangan pada awalnya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April 1952.



PEGAWAI dan kakitangan wanita Jabatan Penerangan semasa hadir di majlis tersebut.

Jabatan Penerangan antara lain berperanan sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan serta mendengar isu-isu terkini, di samping memahami agenda media massa.



KETUA Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Awang Ali Termizi bin Haji Ramli ketika memimpin bacaan tahlil dan doa arwah.



PEGAWAI dan kakitangan lelaki Jabatan Penerangan sama-sama menadah tangan memohon keberkatan di majlis tersebut.



PEGAWAI dan kakitangan lelaki Jabatan Penerangan semasa hadir di majlis tersebut.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama pegawai dan kakitangan semasa hadir dalam Majlis Doa Kesukuran Sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Yang Ke-66 Tahun.



Program RRP ke arah pembentukan minda positif belia dan remaja

Berita dan Foto: Marlinawaty Hussin



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. – Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) merupakan salah satu program yang diharapkan untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin dalam menjadikan mereka sebagai ejen penyebar maklumat kerajaan kepada rakan-rakan dan lingkungan keluarga mereka.

Program yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan ini

meneruskan lagi misinya hari ini dengan mendekati 379 penuntut Tahun 9 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) yang diadakan di Auditorium Maktab berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Dalam program tersebut, para penuntut turut didengarkan Taklimat Kenegaraan ‘Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ yang disampaikan

oleh Pegawai Penerangan merangkap Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Program turut diserikan dengan persembahan nyanyian serta tausyeh dan alat muzik oleh penuntut Tahun 9 di samping persembahan lawak jenaka daripada pelawak undangan tanah air.

Seramai lima penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan menerima hadiah masing-masing daripada tetamu kehormat setelah berjaya menjawab soalan kuiz.



PELAJAR perempuan ketika mendengarkan taklimat yang disampaikan pada program tersebut.



JUGA sama-sama mendengarkan taklimat serta persembahan pentas pada program tersebut ialah penuntut lelaki.

Program RRP semai semangat kenegaraan

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PENGARAH Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Awang Ramlee bin Haji Jamudin hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut.

PENGKALAN BATU, Sabtu, 3 Mac. - Seramai 328 pelajar dari Tahun 9 dan 10 menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Masin, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Awang Ramlee bin Haji Jamudin.

Program yang dikelolakan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan

Kemasyarakatan ini merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa di samping mananamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Antara pengisian program tersebut ialah seperti tayangan video klip pendek bertajuk ‘Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah’ serta taklimat bertajuk ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Program turut diserikan dengan persembahan nyanyian, klip video bertajuk ‘Kibarkan Bendera Negara Kitani’, animasi ‘Tatacara Mengibarkan Bendera’ selain persembahan drama daripada para pelajar sekolah menengah berkenaan.



PARA pelajar turut dihiburkan dengan persembahan lawak jenaka.

Sebar luas maklumat pada Program RRP

Oleh: Noraisah Haji Muhammed
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

SERIA, Selasa, 6 Mac. - Seramai 161 pelajar Tahun 7, Tahun 9 dan Tahun 10 Sekolah St. Magaret Seria hari ini terlibat dengan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Belait yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Program tersebut merupakan persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa yang berobjektif untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah agar mereka peka dengan perkembangan semasa, mananamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Selain itu ia juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah



PEGAWAI Pelajaran Kanan Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Haji Kadri bin Mohammad Yusof hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

pembentukan minda dan moral positif melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Pelajaran Kanan Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Haji Kadri bin Mohammad Yusof.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara', yang diiringi oleh pelajar-pelajar Tahun 7, Tahun 9 dan Tahun 10 sekolah berkenaan.

Program diserikan dengan persembahan klip video 'Kibarkan Bendera Negara Kitani' dan Animasi 'Tatacara Mengibar Bendera', persembahan tarian dan koir daripada pelajar sekolah manakala Taklimat 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' turut disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin semasa menyampaikan taklimat kenegaraan (kiri) sementara sebahagian pelajar ketika hadir pada program tersebut (kanan).

Jabatan Penerangan alu-alukan

47th Pakistan Navy Course

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



ROMBONGAN 47th Pakistan Navy Course mengabadikan kenangan dengan sesi bergambar ramai di akhir lawatan.

BERAKAS, Rabu, 7 Mac. - Seramai 18 pegawai dari 47th Pakistan Navy Course yang dikendalikan oleh Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengadakan Lawatan ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Lawatan bertujuan untuk mendengarkan dan melihat dengan lebih dekat fungsi, peranan dan cabaran Jabatan Penerangan dalam penyebaran maklumat rasmi kerajaan.

Semasa lawatan rombongan yang diketuai oleh Cdre Malik Iftikhar Ahmed SI turut diberikan taklimat mengenai Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Terjemahan dan Brunei Report, Awang Musa bin Mohiddin selain ditayangkan video klip ‘Ristaan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun’ dan video klip Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan ‘InfoDeptBN’.

KETUA Unit Terjemahan dan Brunei Report, Awang Musa bin Mohiddin ketika menyampaikan cenderamata.



KETUA rombongan, Cdr Malik Iftikhar Ahmed SI (kiri) ketika mendengarkan taklimat pada kunjungan tersebut..



19 belia masjid lawat Jabatan Penerangan

Oleh: Marlinawaty Hussin / Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



SEBAHAGIAN beliawanis Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong ketika membaca akhbar rasmi Pelita Brunei.



ROMBONGAN semasa melawat ke Unit Fotografi.



PARA pelawat juga melawat ke Bahagian Pelita Brunei.

BERAKAS, Sabtu, 24 Mac. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri menerima kunjungan serombongan 19 belia dan beliawanis Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata (MKPM) Gadong bagi Program ‘Lakastah Ke Masjid’ sempena cuti penggal persekolahan.

Semasa lawatan tersebut rombongan yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Jeffry bin Haji Metassim dan Imam MKPM, Awang Wafi bin Haji Awang turut diberikan taklimat ringkas mengenai peranan dan tanggungjawab jabatan berkenaan

yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Haji Ramlili.

Dalam pertemuan tersebut, rombongan turut menyaksikan tayangan video klip ‘Ristaan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun’ dan video Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDeptBN di samping dibawa menyaksikan pameran Jabatan Penerangan serta mengunjungi Bahagian Pelita Brunei dan Unit Fotografi.

Penolong Pengurus Belia dan Biliawanis MKPM, Awangku

Danny bin Pengiran Tajuddin berkata, kunjungan tersebut secara langsung mendedahkan mereka tentang penyebaran maklumat yang sahih selain mendapat pengetahuan mengenai kerjaya dalam bidang kewartawanan dan fotografi.

Lawatan tersebut adalah salah satu aktiviti Program ‘Lakastah Ke Masjid’ yang bertujuan mengisi masa para peserta dengan aktiviti berkebajikan pada musim cuti sekolah selain menjalankan hubungan silaturahim sesama belia Islam.

Kukuhkan semangat solidariti, patriotik penuntut

Oleh: Marlinawaty Hussin

Foto: Azmah Haji Ahad



PARA guru dan penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan pada program tersebut.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini @ Bahrain semasa menyampaikan taklimat pada program tersebut.

BANDARSERIBEGAWAN, Sabtu, 3 Mac.- Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan diteruskan lagi pada bulan Mac ini dengan berkunjung ke beberapa buah sekolah.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan serta bendera negara.

Taklimat Kenegaraan pertama pada bulan ini dimulai dengan kunjungan ke Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM), Kampung Sungai Akar.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini @ Bahrain antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' secara lebih terperinci.

Taklimat yang diadakan di Dewan Kuliah 3, sekolah berkenaan turut dihadiri oleh 151 penuntut Tahun 7, Pengetua SMPAPHM, Dayang Hajah Norwen binti Haji Brahim serta beberapa orang guru sekolah tersebut.

Pada program tersebut para penuntut juga telah menyaksikan tayangan klip-klip video bertajuk 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' serta video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' selain berpeluang menyertai kuiz kenegaraan.

Semai semangat patriotik di kalangan penuntut

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



PENGETUA Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Dr. Vincent Andrew menyampaikan hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab soalan kuiz.



PARA penuntut mengibarkan bendera negara sambil menyanyikan lagu patriotik pada program tersebut.

TUTONG, Selasa, 6 Mac. - Seramai 117 penuntut Tahun 7 mendengarkan Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, bertempat di Auditorium, Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO) di Kampung Bukit Beruang.

Taklimat bertajuk ‘Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Cawangan Daerah Tutong, Awang Mohd. Adi Zamhari bin Haji Awang Yahya.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai Raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah

Peliharakan Sultan’ secara terperinci.

Para penuntut juga menonton tayangan video-video klip terbitan Jabatan Penerangan iaitu ‘Kibarkanlah Bendera Negara Dengan Megah’, ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’ dan juga video animasi ‘Tatacara Menaikkan Bendera Negara’, di samping berpeluang mengikuti Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Penolong Pegawai Luar Penerangan, Awang Akui bin Anam.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai perasaan cintakan Raja dan menanam semangat patriotisme penuntut untuk lebih menghormati bendera negara serta menjiwai lagu kebangsaan.



PARA guru dan penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sayyidina Othman bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan di akhir program tersebut.

Semai penuntut dengan semangat patriotisme

Oleh: Noraisah Haji Muhammed
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Khamis, 8 Mac. - Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam diteruskan lagi hari ini ke Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha selang selepas dua hari diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO) di Kampung Bukit Beruang.

Program tersebut jelas menggambarkan usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme penuntut untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar yang antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Hadir sama pada program tersebut ialah Pengetua sekolah, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh dan Timbalan-timbalan pengetua



PARA penuntut Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha semasa mendengarkan Taklimat Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

serta tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Seramai 121 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan menghadiri program berkenaan dan penuntut turut menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan yang dikendalikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Shari bin Haji Gharib.



PENGETUA sekolah, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh menyampaikan hadiah Kuiz Kenegaraan kepada Penuntut Tahun 7.



PARA penuntut ketika menghayati lagu patriotik sambil mengibarkan bendera negara.

Tanam semangat cintakan tanah air kepada penuntut



GURU-guru dan penuntut Tahun 7 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai di akhir program tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Mac. - Seramai 291 penuntut Tahun 7 dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Jalan Muara mendengarkan Taklimat Kenegaraan bertajuk ‘Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ yang berlangsung di auditorium maktab berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerma Haji Jaya yang antara lain menyentuh secara terperinci mengenai Raja, tatacara menaik-kibarkan bendera negara, dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’.

Para penuntut juga menonton tayangan video klip terbitan Jabatan Penerangan di samping berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Mohammad Nor Amiruddin bin Haji Brahim.

Seramai 10 penuntut yang berjaya dalam kuiz tersebut menerima hadiah yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah.

Taklimat seumpamanya merupakan usaha berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan untuk menyemai semangat patriotisme, melalui menghormati serta menjawai Lagu Kebangsaan dan bendera negara di kalangan penuntut-penuntut sekolah.

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



PARA penuntut Tahun 7 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan semasa mendengarkan taklimat.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerma Haji Jaya ketika mengajukan soalan kepada salah seorang penuntut.

Ikuti latihan Digital Signage

Berita dan Foto: Dk Nur-Effa Ryina Pg Hj Hamdani




PEGAWAI dan kakitangan Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media semasa mengikuti latihan Digital Signage tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mac.- Seramai 6 orang pegawai dan kakitangan Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media telah mengikuti latihan Digital Signage selama sehari yang diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 3, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Latihan dipimpin oleh Samuel C Ballesteros Jr. daripada Syarikat Folec yang telah memberikan penerangan tatacara penggunaan dan memasukkan maklumat seperti poster ke dalam Digital Signage selain para peserta berpeluang membuat latihan secara praktikal penggunaan Digital Signage tersebut.

Pada masa ini, Jabatan Penerangan telah menempatkan beberapa

Digital Signage di tempat-tempat strategik di negara ini sebagai salah satu inisiatif bagi menyokong moto jabatan iaitu “Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”.



PEGAWAI dan kakitangan Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media ketika giat mendengarkan penerangan dari pelatih latihan Digital Signage.

Program Selera Kampung Kitani

Oleh: Abu Bakar Hj.Abd. Rahman
Foto oleh: Haji Ariffin Mohamad Noor/ Hernie Suliana Haji Othman/
Azmah Haji Ahad/

PROGRAM Selera Kampung Kitani yang merupakan terbitan Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei menampilkan berbagai jenis resepi dan masakan tradisi bagi sebuah kampung di negara ini.

Sejak terbitan sulungnya pada 27 Disember 2017 sehingga kini program tersebut telah menerbitkan sebanyak 14 menu masakan sehingga akhir bulan Mac ini.



LAUK Tapah Masak Tempoyak, hasil resepi Kampung Labi I diterbitkan pada 7 Mac 2018 .

Untuk orang ramai yang tidak mahu ketinggalan untuk mendapatkan resepi tersebut, nantikanlah keluarannya setiap hari Rabu di akhbar Pelita Brunei atau layari www.pelitabrunei.gov.bn.

Untuk keluaran seterusnya krew penerbitan program ini telah membuat penggambaran ke Kampung Subok bagi edisi seterusnya.



KERABU Jantung Pisang Rempayoh Labi, hasil resepi Kampung Rampayoh Labi II diterbitkan pada 14 Mac 2018.



CUCUR udang hasil resepi Kampung Setia 'A' diterbitkan pada 21 Mac 2018 .



KUNAU Masak Kunyit, hasil resepi Kampung Mentiri diterbitkan pada 28 Mac 2018 .

Hadiri Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu (SAPEMM) Ke-2

Oleh: Dk.Siti Redzaimi Pg.Haji Ahmad
Foto: Ihsan Universiti Brunei Darussalam

PEMANGKU Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam, Professor Madya Dr. Mohammad Ayub Sadiq @ Lin Naing (tiga dari kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu (SAPEMM) Ke-2.



Pengarah APB, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafelah semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

TUNGKU, Rabu, 28 Mac.- Seramai dua orang Pegawai Penerangan menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Antarabangsa Penyelidikan Mengenai Melayu (SAPEMM) Ke-2 telah diadakan di Dewan Kuliah, Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kepimpinan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam.

Seminar dianjurkan oleh Akademi Pengajian Brunei (APB) dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Goethe-University German.

Seminar tiga hari bermula hari ini dirasmikan oleh Pemangku Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam, Professor Madya Dr. Mohammad Ayub Sadiq @ Lin Naing.

Antara objektif seminar tersebut ialah untuk mendedah dan memperkenal kajian-kajian penyelidikan mengenai Melayu selain untuk memberikan pendedahan, pengalaman, pengetahuan kepada para peserta seminar khususnya mahasiswa dan mahasiswi UBD tentang kajian terkini mengenai dunia Melayu.

Seminar turut dihadiri oleh perwakilan pengajian-pengajian tinggi, jabatan-jabatan kerajaan yang berkepentingan kepada APB dan FASS selain para penaja SAPEMM iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), IBIC Sendirian Berhad dan orang-orang persendirian.



DUA orang Pegawai Penerangan semasa menghadiri seminar tersebut.

مقر کنلکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦرغم

Memperkenalkan
Aplikasi Mudah Ailih
Jabatan Penerangan

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Pedoman:

Pengisian Iman dan Takwa Peneraju Kemajuan Ummah dan Negara

"Dan kalaullah penduduk sesbuah negeri itu beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (Rasul-Rasul Kami) lalu Kami timpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan. Maka adakah penduduk sesbuah negeri itu merasa aman daripada datangnya seksa Kami ke atas mereka pada malam hari semasa mereka sedang tidur? Atau adakah penduduk sesbuah negeri itu merasa aman daripada datangnya seksa Kami ke atas mereka pada waktu dhuha (matahari naik) semasa mereka sedang leka bermain?".

(Surah Al-A'raf, ayat 96-98)

Peristiwa Jabatan Penerangan

Pada bulan Mac 1960 Jabatan Penerangan menerbitkan terbitan bulanan berbahasa Inggeris bertajuk "Brunei (The Abode of Peace)" dan telah dicetak dengan memuatkan peristiwa sepanjang bulan. Ia diedarkan sebanyak 500 naskhah dan diagihkan ke luar negeri.

Manakala pada 1 Mac 1991 Jabatan Penerangan dan Radio Televisyen Brunei dipisahkan menjadi dua jabatan dan menjadikan Jabatan Penerangan dibawah Jabatan Perdana Menteri sementara pada 2 Mac 2012 Jabatan Penerangan telah menerima tapak bagi kompleks baharu jabatan.

Pusat Rujukan Penerangan berwajah baharu

Berita dan Foto:
Abu Bakar Hj.Abd. Rahman

PUSAT Rujukan Penerangan yang menyimpan berbagai jenis buku dan risalah kini berwajah baharu apabila dipindahkan ke aras dua dari lantai bawah Jabatan Penerangan dengan keadaan yang lebih luas dan selesa.

Pusat ini yang dulu lebih dikenali sebagai Perpustakaan Jabatan Penerangan menyediakan berbagai perkhidmatan bukan saja kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan malah juga

menjadi sumber rujukan kepada berbagai pihak seperti jabatan-jabatan kerajaan, para pelajar menengah malahan juga peringkat universiti.

Sehingga Disember 2017, pusat ini menyimpan 6,291 buah buku seperti: buku 2,895 tajuk; poster 623 tajuk; kalender 83 tajuk; Pelita Brunei dari tahun 1966 - 2013 berjilid; Borneo Bulletin dari tahun 1962-2012 berjilid; Media Permata dari tahun 1998-2012 berjilid; News Express dari Ogos - Disember 1999-2002; Daily Star dari 1966-1967 berjilid dan annual Report dari tahun 1906-1995 / 2004, 2005-2009 pt 1.



Majlis Tahlil dan Doa Arwah



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa hadir pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah yang diadakan setiap pagi Khamis di Surau Jabatan Penerangan.

MAJLIS Tahlil Dan Doa Arwah yang diadakan setiap hari Khamis merupakan aktiviti amal berterusan yang diungkayahkan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Aktiviti seumpama ini bukan saja dapat meningkatkan kerjasama antara pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan tetapi juga mengingatkan kembali jasa bakti pegawai dan kakitangan jabatan ini yang telah kembali ke rahmatullah di samping mengingatkan kita yang masih hidup tentang kematian.

Perlawanan persahabatan uji kemampuan

Berita dan Foto: Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mac. – Pasukan Bola Jaring Wanita Jabatan Penerangan berjaya menewaskan Pasukan Red Star dengan jaringan 20 - 11 dalam perlawanan persahabatan yang diadakan di Dewan Bina Diri, Kementerian Pertahanan.

Perlawanan persahabatan tersebut adalah uji cuba bagi persediaan menuju Kejohanan Bola Jaring Wanita Jemputan Sempena Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-66 Tahun 2018 yang akan diadakan sedikit masa lagi.

Dalam menghadapi kejohanan tersebut pasukan Jabatan Penerangan juga giat melakukan latihan di samping mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan-pasukan lain yang diadakan di kawasan letak kereta Jabatan Penerangan selepas waktu bekerja.

Pada tahun lepas, Pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei muncul juara selepas menumpaskan pasukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan jaringan 12-6.



PASUKAN Bola Jaring Wanita Jabatan Penerangan semasa mengadakan perlawanan persahabatan dengan Pasukan Red Star.



PASUKAN Bola Jaring Wanita Jabatan Penerangan ketika melakukan latihan selepas waktu bekerja.

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

Tel : 2383400 Faks : 2382242